



Penerima anugerah bersempena dengan **Majlis Sambutan Maulidur Rasul Peringkat Kebangsaan 1436H/2015M**.

## 'Anugerah bukan milik peribadi'

**Putrajaya:** Pensyarah Fakulti Pertanian, Universiti Putra Malaysia (UPM), Prof Madya Dr Hafidzi Mohd Noor, terpilih menerima Anugerah Maulidur Rasul Peringkat Kebangsaan Tahun 1436H/2015M, baru-baru ini.

Beliau sekaligus menerima hadiah wang tunai RM20,000, trofi dan sijil penghargaan yang disampaikan oleh Timbalan Perdana Menteri, Tan Sri Muhyiddin Yassin.

Dr Hafidzi juga meru-

pakan Pengerusi Humanitarian Care Malaysia Berhad yang sebelum ini dikenali sebagai Aqsa Syarif Berhad berperanan mengutip dana serta memberi bantuan kemanusiaan seperti bekalan perubatan, makanan dan pendidikan kepada rakyat Palestin serta kem sementara rakyat Palestin di Beirut, Jordan dan Syria.

### **Perjuangan bebaskan Palestin**

"Anugerah ini bukan milik peribadi tetapi

sebenarnya lebih kepada perjuangan pembebasan Palestin dan juga Masjid Al-Aqsa.

"Sehubungan dengan itu, saya ingin mendedikasikan anugerah ini kepada pejuang dan masyarakat yang bertungkus lumus memastikan bumi Palestin bebas suatu hari nanti," katanya.

Yang turut menerima anugerah sama pada Majlis Sambutan Maulidur Rasul Peringkat Kebangsaan kali ini ialah Datuk Saleh Mad @

Ahmad, Datuk Mahamud Abdul, Prof Madya Dr Syarifah Hayaati Syed Ismail, Kolonel Mohd Sakri Hussin, Nazrey Johani, Muhamad Abdullah dan Mohammad Azlan Mat Lazin.

Imam Besar Masjid Negara, Tan Sri Syaikh Ismail Muhammad pula memperoleh Anugerah Perdana Maulidur Rasul Peringkat Kebangsaan Tahun 1436H/2015M dengan hadiah wang tunai RM50,000, trofi serta sijil penghargaan.